



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PROJEK TAHUN AKHIR IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN SENI

PENGEKALAN ELEMEN LANDSKAP LAMAN MELAYU TRADISI 'DALAM INGATAN'



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Disediakan oleh:

NAZURA BINTI ABD RAHIM

D20141067391

**FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI
KREATIF**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018

1



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana akhirnya saya dapat menyiapkan kajian ilmiah ini sebagaimana dikhendaki. Walaupun perlu menempuh pelbagai cabaran dan dugaan namun dengan adanya bantuan, sokongan dan dorongan daripada pelbagai pihak segalanya dapat dilaksanakan sebaiknya. Di atas segala pertolongan dan galakan yang telah dicurahkan, sukanya saya merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada mereka yang terlihat sepanjang tempoh perlaksanaan kajian ilmiah ini.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Jutaan terima kasih dan penghargaan yang tidak ternilai saya khaskan kepada Dr. Azlin Iryani, penyelia bagi kajian ini yang tidak pernah merasa jemu dalam memberi panduan, tunjuk ajar serta perhatian kepada saya. Ucapan terima kasih ini juga ingin saya tujukan kepada ibubapa dan rakan-rakan seperjuangan kerana banyak membantu dalam memberi pandangan, komen dan khidmat nasihat.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN

ABSTRAK

Bab 1 Pengenalan

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Isu Kajian/Subjek Kajian	3
1.4 Permasalahan Kajian	4
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Soalan Kajian	7
1.7 Carta Perbatuan Penyelidikan dan Praktis Studio	8
1.8 Rumusan	8



05

Bab 2 Konteks Penyelidikan

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

2.1 Pengenalan	9
2.2 Bacaan konteks teori dan praktis studio	10
2.3 Sumber Kajian Ilmiah	11
2.3.1 Manuskrip Lama Melayu	12
2.3.2 Hikayat Melayu	12
2.3.3 Senibina Melayu	13
2.3.4 Lanskap Budaya	13
2.3.4.1 Struktur Fizikal	16
2.3.4.2 Elemen Semula Jadi	17
2.3.4.3 Elemen Budaya	18
2.4 Rumusan	21



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Bab 3 Proses Kreatif dan Kajian Studio

3.1 Pengenalan	24
3.2 Kerangka Proseskreatif pengkaryaan	25
3.3 Metodologi penghasilan karya	26
3.3.1 Pemilihan Metodologi Kajian	26
3.3.2 Pengimbasan Metodologi yang Berkaitan	26
3.4 Proses Kreatif	28
3.4.1 Fasa pewujudan idea	28
3.4.2 Fasa perkembangan dan olahan idea	29
3.4.3 Adaptasi Media Dan Teknik	33
3.5 Rumusan	35

Bab 4 Analisis



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

4.1 Pengenalan

4.2 Kajian Visual Dan Analisis Karya	36
4.2.1 Pengaruh Persekitaran dengan Landskap Melayu	37
4.2.2 Elemen Landskap Melayu	40
4.2.3 Jenis-jenis tanaman Landskap Melayu	42
4.2.4 Jenis Perabot Laman	45
4.2.5 Susun Atur Ruang	46
4.2.6 Analisis Karya	48
4.3 Persembahan Karya	56
4.4 Rumusan	59



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Bab 5 Kesimpulan dan cadangan

5.1 Pengenalan	60
5.2 Perbincangan Karya	61
5.3 Impak Karya Pada Pendidikan	64
5.4 Cadangan	69
5.5 Rumusan	69

BIBLIOGRAFI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ABSTRAK

Penyelidikan identiti landskap Melayu meliputi senibina lanskap yang berteraskan kepada fungsi dan budaya Melayu. Identiti landskap melayu terdiri daripada dua komponen penting iaitu tanaman dan perabot laman. Setiap komponen mempunyai nilai budaya dan kesenian tersendiri, mempamerkan simbol budaya Melayu yang wujud di dalamnya. Nilai Melayu yang tertakluk kepada kepercayaan, alam fikir dan budaya fikir masayarakat Melayu yang berkait rapat dengan adat dan budaya kehidupan Melayu. Ini ditunjukkan secara tersirat melalui aspek rekabentuk, kesenian, susunatur, simbol dan fungsi. Elemen-elemen yang terdapat di persekitaran kawasan kediaman Melayu mempunyai nilai dan simbolisme yang tersirat yang dapat difahami dengan penghayatan terhadap maksud yang hendak disampaikan sama ada dari aspek budaya mahu pun fungsinya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1:

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.9 Pengenalan

Bab ini membincangkan secara ringkas berkaitan kertas cadangan yang disediakan sebelum karya dihasilkan. Bab ini terdiri daripada latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif, carta perbatuan dan perkara-perkara yang berkaitan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



1.10 Latar Belakang Kajian

Senibina landskap Melayu telah lama bertapak dan berkembang dalam negara ini tetapi tidak ketahui akan kehadirannya dalam kehidupan masyarakat kita. Adat dan budaya dalam masyarakat Melayu itu sendiri merupakan agen dalam mengetengahkan senibina landskap Melayu. Landskap Melayu ini meliputi senibina landskap yang berteraskan kepada fungsi dan budaya Melayu. Ciri-ciri landskap melayu terdiri daripada dua komponen penting dalam pembentukan landskap Melayu iaitu tanaman dan perabot laman.

Penggunaan tumbuhan-tumbuhan dalam kehidupan harian, upacara dan majlis tradisi yang diadakan dalam masyarakat Melayu pada ketika dahulu telah menyumbang kepada senibina landskap Melayu. Jika dilihat dengan lebih terperinci, Landskap Melayu lebih menekankan kepada fungsi dan peranan berbanding unsur estetik. Tumbuh-tumbuhan yang terdapat di sekeliling kita mempunyai pelbagai fungsi dan kegunaannya terhadap kehidupan harian. Sebagai contoh ia dijadikan sebaagai sumber makanan, pelindung, peneduhan, perubatan, pagar dan keperluan adat serta budaya.

Penggunaan tumbuh-tumbuhan di dalam Landskap Melayu adalah berdasarkan kepada fungsi tumbuhan itu sendiri. Selain itu, ia juga berfungsi untuk mengasingkan kawasan hadapan rumah dengan kawasan dapur. Landskap melayu akan lengkap dan akan terlihat keunikannya di mana adanya perabot laman memenuhi ruang di halaman-halaman yang tertentu mengikut kesesuaian.





Konsep landskap melayu terbahagi kepada empat bahagian di mana adanya halaman hadapan, halaman sisi (kiri), halaman belakang dan halaman sisi (kanan). Halaman hadapan rumah kebiasaannya dibiarkan terbuka luas. Ini adalah disebabkan faktor kedatangan tetamu dan juga majlis-majlis yang diadakan di kawasan rumah. Oleh yang demikian, pokok-pokok halaman ditanam di pinggir kawasan supaya dapat mewujudkan kawasan yang luas untuk memenuhi keperluan ini.

Halaman belakang rumah merupakan kawasan kegiatan peribadi. Kebiasaannya kawasan ini digunakan untuk ruang memasak, membasuh dan menjemur pakaian dan ia lebih kepada keperluan yang memenuhi kehidupan sehari-hari dengan aktiviti bercucuk tanam tanaman yang boleh dijadikan sumber makanan. Oleh yang demikian tumbuhan-



tumbuhan tertentu ditanam bagi memenuhi keperluan hidup sehari-hari mereka. Halaman sisi pula lebih kepada ruang rehat keluarga dengan adanya pokok untuk teduhan.

1.11 Isu Kajian/Subjek Kajian

Dalam penghasilan kajian ini, pengkaji telah memilih isu budaya di mana pengkaji ingin mengetengahkan konsep budaya melayu. Hal ini disebabkan oleh budaya melayu yang asli semakin berkurang dari semasa ke semasa malahan adanya budaya melayu yang dapat dilihat pada masa kini lebih kepada campuran dengan budaya barat. Sebagai contoh boleh dilihat pada persekitaran taman landskap melayu di mana adanya penambahan senibina barat dan tidak asli melayu sepenuhnya.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Jadi, isu kajian atau subjek kajian yang diketengahkan di dalam kajian ini adalah seni di dalam landskap iaitu berfokus kepada landskap melayu.

1.12 Permasalahan Kajian

Dalam konteks negara Malaysia, pembangunan yang berlaku semenjak kemerdekaan iaitu dari struktur masyarakat, ekonomi, pendidikan, senibina dan infrastruktur memberi impak besar terhadap konteks persekitaran. Ditambah pula dengan pengglobalisasi dunia yang secara tidak langsung menjadikan negara ini semakin kompleks dari segi pengaruh budaya, pemikiran, kepercayaan dan struktur organisasi masyarakat yang menyebabkan perubahan-perubahan pada sosioekonomi, sosiobudaya dan konteksnya. Seterusnya ia memberi impak perubahan pada karektor budaya Melayu yang mana ia adalah sebagai teras kepada identiti



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Identiti bangsa boleh kita lihat dari pelbagai perspektif. Antaranya adalah dari segi kebudayaan, adat istiadat, seni halus dan senibina, landskap, pakaian fabrik, permainan, peralatan pertukangan dan pertanian. Dalam kajian ini, identiti bangsa dilihat melalui elemen-elemen dalam reka bentuk landskap Melayu. Menurut Lynch (1960) mendefinisikan identiti sebagai tahap kemampuan seseorang mengenal dan mengingati sesuatu tempat sebagai istimewa daripada tempat yang lain secara jelas, unik atau memiliki elemen yang tersendiri. Ini disokong dengan penafsiran yang dibuat oleh Shuhana (1997) menyatakan bahawa identiti merupakan suatu kualiti yang menjadikan sesuatu tempat itu dikenali, hasil dari keistimewaannya berbanding dengan tempat-tempat lain.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Apa yang dimaksudkan kualiti di sini adalah keistimewaan elemen-elemen yang mempengaruhi persepsi seseorang untuk mengingati dan membezakan dengan sesuatu yang lain. Melalui definisi-definisi yang telah dinyatakan di atas, jelas membuktikan identiti suatu kawasan itu mempunyai perkaitan erat dengan elemen yang terdapat di persekitarannya.

Konsep Melayu dalam reka bentuk landskap merupakan sebuah konsep yang digunakan oleh masyarakat pada ketika dahulu. Namun begitu, peredaran zaman berlaku dari semasa ke semasa dengan semakin meningkatnya pembangunan dan hal ini secara tidak langsung menyebabkan masyarakat semakin kurang pendedahan dan segala jenis taman Melayu telah diubah suai menjadi moden. Pembangunan infrastruktur merupakan



perubahan ketara yang merubah konteks persekitaran landskap Melayu. Perubahan menyebabkan beberapa elemen-elemen budaya dan landskap hilang dan tidak digunakan lagi. Oleh itu, pengkaji mendapati perkara tersebut merupakan punca kehilangan nilai budaya dari aspek pengetahuan dan pemikiran masyarakat Melayu sendiri.

Permasalahan yang agak ketara dalam kajian ini adalah konsep landskap taman Melayu yang tidak jelas. Kekurangan penulisan dan pendedahan dalam bidang ini telah menyebabkan landskap Melayu kurang difahami dan dikenali ramai. Pemahaman budaya Melayu menjadi asas untuk mengaitkannya dengan landskap Melayu. Taman dan laman yang wujud di Istana Kesultanan Melayu pada zaman dahulu dapat membuktikan kewujudan landskap Melayu.





Elemen-elemen yang terdapat di persekitaran kawasan kediaman Melayu mempunyai nilai dan simbolisme yang tersirat yang dapat difahami dengan penghayatan terhadap maksud yang hendak disampaikan sama ada dari aspek budaya mahu pun fungsinya. Namun demikian, kebanyakkan masyarakat terutamanya masyarakat pada masa kini tidak mengetahui elemen yang terdapat pada rumah-rumah dan halaman rumah tradisional melayu mempunyai simbolik terhadap aktiviti harian masyarakat melayu pada masa dahulu. Hal ini telah menyebabkan landskap melayu tersebut diubah suai atau akan dihapuskan begitu sahaja.

Selain itu, apabila senibina landskap melayu telah diubah suai dengan penambahan dari konsep lain di mana ia telah menjadi landskap moden, maka masyarakat pada zaman kini tidak dapat menghayati keunikan landskap melayu seterusnya simbol budaya masyarakat melayu tidak dapat dikenal oleh masyarakat lain. Masyarakat tiada kesedaran akan keunikan landskap melayu yang telah menjadi lambang kepada seni reka landskap budaya. Hal ini juga menyebabkan masyarakat melayu pada masa kini tidak menghargai keunikan budaya sendiri.

Budaya merupakan suatu yang kompleks yang melibatkan pelbagai aspek dalam struktur masyarakat. Menurut Edward B. Tylor (1871), budaya adalah sesuatu yang kompleks yang melibatkan pengetahuan, kepercayaan, seni, moral, undang-undang, adat dan budaya serta perilaku yang diperlukan seseorang untuk menjadi sebahagian daripada





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

komuniti. Kehidupan dalam masyarakat mempunyai adat dan peraturan yang perlu diikuti dan diamalkan sebagai sebahagian daripada komuniti

1.13 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mencari dan membuktikan kewujudan seni taman Melayu yang mempunyai keunikan yang tersendiri, adat-adat yang diamalkannya dan pengaruh budaya. Ini bersesuaian dengan objektif kajian iaitu:

- a. Membuktikan kewujudan Landskap Melayu melalui *Art Of Landscape*.
- b. Mengenalpasti elemen-elemen landskap melayu yang menjadi simbolik kepada masyarakat melayu pada zaman dahulu.
- c. Menganalisis keunikan Landskap Melayu yang menjadi identiti kepada seni reka landskap budaya.

1.14 Soalan Kajian

Persoalan kajian mengandungi soalan yang akan dijawab di dalam kajian ini. Soalan kajian adalah berdasarkan objektif kajian:

- a. Adakah Konsep Melayu wujud dalam reka bentuk landskap?
- b. Bagaimanakah masyarakat melayu pada masa dahulu dikenali melalui aktiviti harian mereka?
- c. Sejauh manakah konsep melayu dapat menyumbang kepada identiti seni reka landskap budaya?



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.15 Carta Perbatuan Penyelidikan dan Praktis Studio

Minggu	Tugasan	Catatan
1	Menentukan isu, tema dan persoalan	✓
2	Perbincangan bersama penyelia	✓
3	Membuat lakaran Bab 1	✓ ✓
4	Menghasilkan karya Bab 2	✓
5		
6		
7	Bab 3 Karya separuh siap	✓
8	Bab 4	✓
9		✓
10	Karya hampir siap	
11		
12	Bab 5	✓
13	Karya Siap	PustakaTBainun ptbupsi
14		



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.16 Rumusan

Secara ringkasnya di dalam bab ini adalah gambaran awal tentang kajian dan karya yang akan dihasilkan oleh pengkaji. Sebelum pengkaryaan dilakukan, penyelidikan peringkat awal adalah dititikberatkan dan segala masalah kajian telah dikenalpasti. Oleh itu, pengkaji dikhendaki menyelesaikan permasalahan kajian yang telah dinyatakan dan menjawab segala persoalan yang telah diutarakan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi